

31 AUG 2002

Sukan-Lumba Kereta (MME)

PASUKAN NAZA-JASERI MENANG MME 2002

SEPANG, 31 Ogos (Bernama) -- Pemandu handal Malaysia, Tommy Lee memenangi Perlumbaan Lasak Merdeka 2002 buat kali ketiga berturut-turut di Litar Sepang di sini, hari ini.

Beliau yang bergandingan dengan pemandu Inggeris, Nigel Albon dan Tunku Hammam, menamatkan 262 pusingan pada perlumbaan lasak 12 jam, yang diadakan sempena perayaan Hari Merdeka.

Kemenangan itu sungguh manis buat Tommy yang memenanginya dengan menggunakan kereta Porsche GT3. Sebelum ini dia memenangi perlumbaan dengan kereta Proton Waja dan kereta TVR Chimaera pada tahun 2000 dan 2001.

"Saya memang bernasib baik," kata Tommy dalam sidang media selepas kemenangannya hari ini.

Bermula di barisan depan di petak pertama dengan pasukan pendahulu, Amprex Motorsports, Naza-Jaseri Racing mengambil peluang sepenuhnya dari kemalangan ke atas pasukan favourite (Amplex).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Pasukan Ethob dari Hong Kong, yang diwakili Clive Bate, Gerry Kipling dan Nick Thomas mendapat tempat kedua keseluruhan kategori Kelas A yang mengandungi kereta production 1901cc ke atas dan kereta production semua kapasiti.

Pasukan Symphony WRC Motorsports yang diwakili Aminuddin Omar, Lai Wee Sing dan Fahrizal Hasan ketiga keseluruhan selepas menamatkan 241 pusingan dan tempat kedua kategori A.

Choo Yong Choon, Siah Woei Pyng dan Kok Lee Foon, yang bertanding dalam Kumpulan C kategori, mendapat tempat keempat keseluruhan.

Perlumbaan ini dilepaskan oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein malam tadi. Sejumlah 77 buah kereta mengambil bahagian dan berakhir hari ini.

-- BERNAMA

ERE ZB